

MAT INDRA SEORANG PEJUANG MELAYU ATAU KOMUNIS?

MANJA BINTI HARUN



ARKIB

rb
fAC895
M22M278

MAT INDRA
SEORANG PEJUANG MELAYU atau KOMUNIS?

Oleh:
MANJA BINTI HARUN

SATU KAJIAN UNTUK MEMENUHI SYARAT PENGKHUSUSAN SEJARAH HSM-411/412:
DOKUMEN-DOKUMEN DALAM SEJARAH MALAYSIA BAGI PENGIJAZAHAN SARJANA
MUDA SASTERA DALAM PUSAT PENGAJIAN ILMU KEMANUSIAAN, UNIVERSITI
SAINS MALAYSIA.

SIDANG 1988/89

ISI KANDUNGAN:

	MUKA SURAT
PENGENALAN	i
PENGHARGAAN	ii
BAB I:	
LATAR BELAKANG PERJUANGAN MAT INDRA DAN SINOPSIS PERJUANGANNYA.	1 - 6
BAB 2:	
BIODATA TOKOH.	7 - 9
BAB 3:	
PENGLIBATAN TOKOH DI LALAM PERJUANGAN:	
Tunca-Tunca Penglibatan:	10
PERINGKAT PERJUANGAN:	
Penglibatan Peringkat Awal.	10 - 11
Perjuangan Peringkat Pertengahan.	11 - 16
Klimaks Perjuangan Mat Indra.	16 - 19
BAB 4:	
SEJAUHMANAKAH KETOKOHAN MAT INDRA SEBAGAI PERJUANG MELAYU ATAU KOMUNIS.	20 - 26
BAB 5:	
ZAMAN KEJATUHAN MAT INDRA.	27 - 33
BAB 6:	
PENILAIAN TERHADAP PERJUANGAN MAT INDRA.	34 - 38
KESIMPULAN	39
PENUTUP	40
NOTA KAKI	41 - 43
BIBLIOGRAFI	44 - 45
LAMPIRAN	

Penghargaan:

Sebenarnya di dalam menyiapkan tulisan saya yang bertajuk 'Mat Indra' seorang pejuang Malayu atau Komunis' saya telah terhutang budi kepada berbagai pihak yang begitu memberi kerjasama selama saya membuat penyelidikan dan kajian. Pertamanya-saya sangat berterima kasih kepada Sdr. Mohd. Kamal Haroun iaitu seorang tokoh melawan terkenal di Batu Pahat yang menyarankan tajuk ini kepada saya. Saya juga berterima kasih kepada kesemua anggota polis yang berada di Balai Polis Daerah Batu Pahat terutamanya Inspektor Shuit dan Kopral Hassan, anggota polis di Sri Medan khususnya En. Talib Othman yang begitu banyak membantu saya menguruskan mini-tesis ini. Selain dari itu saya juga berterima kasih kepada anggota pasukan polis di Derga khususnya En. Mahadir Hashim dan En. Ismail Hashim serta En. Mohd. Radzi Saad yang telah membantu saya menjelaskan lagi peristiwa Bukit Kepong. Terima kasih juga pada En. Ahmad Pajo yang telah berusaha mencarikan bahan bertulis mengenai peristiwa tersebut dan usahanya menghubungi pihak-pihak tertentu yang terlibat.

Saya juga mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua orang perseorangan yang terlibat di dalam penulisan saya. Kerjasama dan bantuan yang mereka berikan begitu besar ertinya kepada saya. Saya tidak dapat membalas jasa baik mereka semua.

Akhirnya saya juga berterima kasih kepada Y.B. Prof. Madya Dr. Cheah Boon Kheng yang begitu sabar menghadapi keadaan pelajar-pelajar seperti saya. Tunjuk ajar yang diberikan kepada saya begitu besar sekali dan menambahkan lagi semangat saya untuk menjadi seorang sejarawan di suatu masa nanti.

Pengenalan:

Tajuk Tokoh 'Mat Indra' ini merupakan suatu usaha yang sungguh penting kepada penulis terutamanya di dalam pensejarahan Malaysia. Mat Indra merupakan suatu tokoh yang perlu diketengahkan memandangkan berbagai keistimewaan yang ada padanya. Tanpa pengkajian dan penyelidikan yang lebih mendalam sudah tentu wataknya yang memang menjadi isu kontroversi di kalangan penduduk Malaysia khususnya di Sri Medan, Batu Pahat Johor akan terus dipersoalkan.

Di dalam tulisan ini juga saya cuba menghuraikan secara lebih tepat kedudukan MI di dalam pensejarahan Malaysia. Saya yakin dan pasti dengan tulisan ini akan mengakhiri segala persoalan yang terbuku di jiwa kita selama ini. Keadaan ini sangat jelas dengan tulisan saya yang menyentuh tentang perjuangan MI di dalam komunis, kehidupannya sehari-hari dan juga usaha-usaha yang dibuat olehnya bagi mencapai suatu matlamat yang dicita-citakan selama ini.

Saya juga bersyukur kehadiran Tuhan kerana berjaya menyiapkan mini-tesis ini yang begitu banyak mengajar saya menjadi seorang pelajar yang dedikasi. Saya juga berbangga kerana dapat menghasilkan tajuk 'Mat Indra' yang tidak pernah disentuh oleh sesiapa pun sebelum ini secara terperinci.